

Orang Islam bakal pelancong paling ramai

B/14 5/8/12 M.S.S.

» Malaysia, Indonesia antara destinasi utama dekad akan datang



Penduduk negara Teluk paling banyak berbelanja untuk tujuan melancong.

tikal, fesyen dan pelancongan,” katanya, mengakui lebih separuh daripada penduduk Islam dunia berusia 24 tahun atau lebih muda, kebanyakannya berpendidikan.

Thailand mengintai dengan rakus ledakan industri pelancongan Islam itu. Pihak berkuasa pelancongannya, yang mempunyai pejabat di Dubai, mempromosi spa halal untuk pelancong Islam yang mengasingkan pelanggan lelaki dan wanita.

Ia juga menganjurkan festival makanan Thailand selama sebulan di Emiriah Arab Bersatu (UAE) dari 8 Jun hingga 7 Julai lalu.

Kajian Crescentrating memberi Lapangan Terbang Suvarnabhumi Bangkok sebagai lapangan terbang paling mesra kepada penganut Islam di negara bukan Islam.

Ia mendapati pelancong dari Teluk seperti Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar, Arab Saudi dan UAE paling banyak berbelanja.

Negara Teluk terdiri daripada 37 peratus pelancong Islam yang berbelanja pada 2011 walaupun mereka mewakili hanya tiga peratus daripada penduduk Islam global. AFP

► Singapura

Daripada spa halal sehinggalah bilik solat di terminal lapangan terbang, industri pelancongan global kini bersedia untuk satu ledakan injuran pelancongan Islam pada dekad akan datang, kata pakar.

Jumlah mereka yang semakin meningkat dan kemewahan hidup bermakna umat Islam terutama dari Asia Barat yang kaya minyak lebih kerap melancong dan ia adalah aliran yang kelihatan semakin berkembang.

Perbelanjaan oleh pelancong Islam meningkat lebih pantas berbanding kadar global dan diramalkan mencecah AS\$192 bilion (RM601.05 bilion) setahun menjelang 2020, meningkat daripada AS\$126 bilion (RM394.44 bilion) pada 2011, menurut kajian dua syarikat yang mengkhusus dalam pasaran.

Kajian itu, diperolehi oleh agensi berita AFP, dijalan-

kan di 47 negara oleh pakar pelancongan halal berpusat di republik ini, Crescentrating bersama DinarStandard, sebuah firma berpusat di Amerika Syarikat yang mengesan pasaran gaya hidup umat Islam.

Malaysia destinasi utama

Ketua eksekutif Crescentrating, Fazal Bahardeen berkata negara majoriti Islam seperti Mesir, Malaysia dan Indonesia sudah menjadi destinasi pilihan, namun negara bukan Islam kini ‘melihat secara serius’ pelancong Islam.

Malaysia, destinasi nombor satu menurut penemuan, menarik pelawat Islam walaupun ketika sepanjang bulan Ramadan.

Mohammed Ali Alali, 23, seorang pelajar kejuruteraan petroleum dari Dammam, Arab Saudi, berkunjung ke sana untuk berbulan madu bersama isterinya, seorang pelajar perubatan, 20 tahun.

“Ia tidak jauh dari Arab

“Ia (Malaysia) tidak jauh dari Arab Saudi dan kurang mahal untuk berkunjung berbanding Eropah. Ia juga sebuah negara Islam yang banyak membantu, seperti menyediakan masjid dan makanan Arab”

Mohammed Ali Alali,
Pelajar kejuruteraan petroleum

Saudi dan kurang mahal untuk berkunjung berbanding Eropah. Ia juga sebuah negara Islam yang banyak membantu, seperti menyediakan masjid dan makanan Arab,” katanya selepas berbuka puasa di sebuah restoran Arab di

Kuala Lumpur.

Senang mencari makanan halal mengungguli senarai keperluan pelancong Islam, menurut tinjauan.

Destinasi seperti Thailand dan Australia terutama Gold Coast, sudah mengambil kira keperluan pelancong berkenaan dalam perkhidmatan dan kemudahan, kata Fazal kepada AFP. Ia termasuk bilik solat di lapangan terbang dan hotel, restoran halal dan malah spa yang bersesuaian dengan keperluan agama.

“Mengapa tidak ke Gold Coast untuk Ramadan lebih sejuk tahun ini?” kata

laman web pelancongan, Queensland, Australia.

“Dengan sejarah panjang mengalu-alukan pelawat Asia Barat dan masyarakat penduduk, kemudahan untuk penganut Islam di Gold Coast, Australia semakin baik setiap tahun.”

Unit Perisikan Ekonomi berkata dalam satu laporan Mac lalu bahawa memenuhi keperluan 1.8 bilion penduduk Islam adalah peluang perniagaan dalam pelbagai sektor.

“Daripada makanan dan kewangan Islam, industri itu antara lain melebarkan sayapnya kepada farmaseu-